

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	07/01/2018

Dr Mahathir lebih sesuai jadi menteri kanan, bukan PM

BH- 7/1/2018 pg. 7

Kajang: Tun Dr Mahathir Mohamad lebih sesuai menyandang jawatan menteri kanan, bukan Perdana Menteri.

Ketua Wanita Pakatan Harapan, Zuraida Kamaruddin, berkata berdasarkan pengalamannya, Dr Mahathir sepatutnya memilih jawatan lebih baik, bukan jawatan yang pernah disandanginya.

"Berdasarkan kredibiliti beliau sebagai negarawan dan pengalamannya sebagai bekas Perdana Menteri, beliau perlu mengangkat dirinya ke jawatan lebih baik, bukannya kembali ke jawatan lama.

"Tidak kisah siapa yang jadi Perdana Menteri. Jawatan itu tawaran

sangat baik, tetapi ada perkara lain yang perlu diteliti Pakatan Harapan.

"PKR akan mengadakan mesyuarat hari ini (semalam), untuk membincangkan dan berunding mengenai kerusi serta isu berkaitan pilihan raya.

Belum muktamad calon PM

"Kami belum memuktamadkan calon Perdana Menteri dan berharap mesyuarat ini akan mencapai kata putus," katanya ketika berucap pada Konvensyen Wanita Pakatan Harapan, di sini, semalam.

Zuraida yang juga Ketua Wanita PKR, mengulas berhubung pencalonan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sebagai Perdana

Menteri sekiranya Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, apabila ditanya pendirian sebenar parti mengenai pencalonan Dr Mahathir, berkata calon Perdana Menteri Pakatan Harapan mesti individu yang boleh melakukan reformasi dalam sistem kenegaraan.

"Kita sudah bincang yang mana calon itu boleh melakukan reformasi dalam sistem kenegaraan, itu yang penting," katanya ketika ditemui pada program Jelajah Keadilan Peduli Rakyat di Taman Sri Firdaus, di Kangar petang semalam.



Kami belum muktamadkan calon perdana menteri dan berharap mesyuarat ini akan mencapai kata putus"

Zuraida Kamaruddin,
Ketua Wanita
Pakatan Harapan

Mohamed Azmin berkata, pihaknya sudah memberikan pandangan pada Majlis Presiden Pakatan Harapan mengenai isu pelantikan perdana menteri mewakili gabungan parti pembangkang itu dan semuanya akan diputuskan melalui persetujuan bersama.

"Perkara ini juga perlu mendapat pandangan dan maklum balas rakyat, di mana rakyat perlu diberikan kuasa untuk menentukan masa depan negara dan bukannya ditentukan oleh mana-mana individu.

"Saya percaya Pakatan Harapan berlapang dada untuk memastikan pertimbangan ini mendapat mandat daripada rakyat," katanya.